

# PERTANDINGAN BESAR BAGI

LUATAN 12/10/95

**ORANG Melayu baru tersentak dari kejutan yang hebat selepas 1969. Jika dahulu mereka membiarkan teraju utama dipegang oleh orang lain walaupun pada akhirnya mereka berkuasa, mereka tidak dapat memainkan peranan yang aktif kerana tradisi tidak menderhakai kepada pemimpin betapa pun pemimpin itu salah, adalah tebal.**

Memang satu kebiasaan dalam pimpinan politik ahli-ahli sentiasa mencari pemimpin-pemimpin baru yang mereka boleh sandarkan harapan dan masa depan mereka apabila mereka tidak puas hati dengan satu-satu pimpinan.

Masalah yang dihadapi oleh UMNO dan orang-orang Melayu pada ketika itu bukanlah satu situasi yang 'artificial' atau yang sengaja diada-adakan oleh golongan-golongan tertentu dalam perkembangan politik orang Melayu.

Yang sebenarnya krisis keyakinan terhadap pimpinan UMNO sedang merebak dengan hebatnya. Jika tidak kerana adanya pemimpin-pemimpin UMNO yang disegani dan menyeru kepada kewarasan, satu revolusi yang mungkin memakan korban jiwa yang banyak boleh berlaku dengan cepat akibat rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Dalam UMNO ketika itu, imej Mahathir hanyalah sebagai 'back-bencer' yang lantang, sunguhpun beliau adalah salah seorang anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Jika imej beliau lebih besar dari yang mampu beliau tonjolkan ketika itu, dan jika para pemimpin UMNO yang lebih disegani tidak merayu kepada ketenteraman, kepada pertimbangan akal dan kesabaran, sudah tentu dimensi yang akan muncul dari konflik perkauman itu akan lebih besar dan serius dari yang telah berlaku.

Di samping itu, masalah yang dihadapi oleh orang Melayu umumnya adalah nyata dan jelas. **Yang pertama** orang Melayu berasa kuasa politik yang tidak digunakan untuk kepentingan dan perjuangan orang Melayu hampir tidak ada maknanya langsung. Tidak ada sistem dan perlembagaan yang boleh menyelamatkan orang Melayu dari pimpinan politik yang tidak sensitif terhadap kepedihan dan penderitaan orang Melayu.

**Kedua**, sunguhpun sesudah merdeka lebih dari 10 tahun ketika itu tidak ada tanda-tanda pimpinan politik Melayu berminat untuk mengekalkan kuasa politik, sehingga timbul kemungkinan kedudukan mereka sentiasa dicabar oleh orang lain.

lam sektor ekonomi dan pengagihan kekayaan negara tidak kelihatan sebagai berkemungkinan orang Melayu akan mendapat faedah dan keuntungan.

**Keempat**, setiap dasar kerajaan yang bertujuan untuk kepentingan orang Melayu tidak diperhatikan dengan serius untuk menentukan dasar-dasar tersebut tidak dicabuli atau diselewangkan.

**Kelima**, para pemimpin Melayu kelihatan terlampau berminat untuk merayu kepada keadilan apabila yang menjadi mangsa ketidakadilan itu ialah orang lain dan apabila yang disuruh berlaku adil itu ialah orang Melayu. Dengan lain-lain perkataan, orang lain tidak diseru kepada keadilan dan sikap bertimbang rasa walaupun yang terus menjadi mangsa ialah orang Melayu.

**Keenam**, kemiskinan dan ketinggalan orang Melayu dalam sektor pertanian tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Peruntukan-peruntukan pembangunan tidak memberi tekanan yang cukup kepada perubahan nasib kaum tani dan nelayan. Akibatnya paras kemiskinan mereka tidak banyak berubah.

**Ketujuh**, dasar pelajaran negara tidak menunjukkan kecondongan untuk mengubah nasib penuntut-penuntut dan pendidikan orang Melayu secara radikal, dan **kelapannya** para pemimpin Melayu tertentu kelihatan terlalu rapat dengan pemimpin-pemimpin Cina sehingga mereka dikatakan tidak menganggap bermain judi, minum arak dan perempuan itu sebagai menjejas imej agama dan bangsa mereka sendiri.

Kesemua ini dirakamkan dengan jelas oleh Dr. Mahathir dalam 'The Malay Dilemma'. Walaupun dari masa ke semasa PAS memainkan peranan penting untuk menunjukkan kelemahan UMNO (sungguhpun pemimpin-pemimpin PAS sendiri menghadapi masalah yang serupa di setengah-setengah tempat), keadaan ketika itu memerlukan UMNO sendiri mengkritik para pemimpin mereka.

Oleh sebab itu kemunculan Tun Razak sebagai Perdana Menteri yang baru dalam tahun 1971 disambut dengan lapang dada oleh orang-orang Melayu. Para pemerhati politik dan cerdik pandai Melayu serta-merta menyambut peralihan Tun Razak sebagai 'penyinsingan fajar era baru' dalam sejarah negara khasnya politik orang Melayu.

Di bawah pimpinan beliau Barisan Nasional ditubuhkan dan dalam tahun 1973 PAS menyertai Barisan setelah menubuhkan Kerajaan Campuran di Kelantan. Di zaman beliau para pemimpin parti pembangkang yang menvertai Barisan dilan-

000-1988

kerajaan bagi julung-julung kalinya dalam sejarah perkembangan politik di tanah air.

### Ujian-Ujian Awal Bagi Mahathir: Pertandingan Merebut Jawatan Timbalan Presiden UMNO

Sesudah mengalami sendiri pengalaman pahit menuju jalan-jalan ke tahun 1981 yang penuh debaran, walaupun Tun Hussein dengan penuh yakin dan percaya menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada beliau, namun dalam enam bulan pertama tahun tersebut Dr. Mahathir berhadapan dengan satu masalah yang paling sulit pada saat-saat beliau akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Hussein.

Masalah itu ialah peranan beliau sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri dalam pertarungan sengit bagi merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO yang baru antara Datuk Musa dan Tengku Razaleigh Hamzah. Walaupun dalam UMNO sudah wujud peraturan tidak bertulis jawatan itu tidak dipertandingkan, kecuali sekali ketika Tun Dr. Ismail menentang Tun Razak di zaman Tunku, lain halnya ketika Mahathir menjadi Perdana Menteri. Beliau membiarkan jawatan itu dipertandingkan.

Masalah yang dihadapi oleh Mahathir adalah sama dengan masalah yang dihadapi oleh ahli-ahli UMNO. Dalam beliau berusaha untuk menunjukkan beliau tidak menyebelahi mana-mana pihak, spekulasi adalah kecang yang beliau menyokong Datuk Musa secara terbuka.

Menerusi beberapa kenyataan akhbar (biasanya sebagai jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan wartawan) perlahan-lahan beliau membuat kenyataan-kenyataan yang boleh menyebabkan ahli-ahli UMNO dan orang ramai berfikir calon pilihan beliau ialah Datuk Musa.

Sehingga di saat-saat akhir pertandingan pun Dr. Mahathir cuba mempertahankan imej beliau sebagai berkecuali dalam pertandingan yang bersejarah itu. Tetapi lama-kelamaan beliau dipercayai dan diyakini sebagai menolong untuk memberi kemenangan kepada Menteri Pelajaran.

Pada masa yang sama desas-desus diperbesar-kan oleh penyokong-penyokong Datuk Musa dan kemudian dipercayai dan disebarkan sendiri oleh penyokong-penyokong Tengku Razaleigh. Menurut satu sumber pada dua malam akhir kempen yang penuh dengan semangat untuk menghancurkan lawan itu berita-berita disebarkan dengan berbagai cara dan taktik oleh penyokong-penyokong Dr. Mahathir bahawa pilihan beliau ialah pemimpin Johor itu yang pernah dipecat dari jawatannya



dalam UMNO dan kerajaan oleh Tunku Abdul Rahman.

Dalam dua minggu terakhir sebelum pemilihan beberapa orang pemimpin dari Kedah membuat kenyataan-kenyataan pedas dan sindiran tajam terhadap Tengku Razaleigh oleh orang ramai dan anggota-anggota UMNO diertikan sebagai sikap Dr. Mahathir terhadap Menteri Kewangan itu.

Kepada anggota-anggota parti apa jua kenyataan yang dibuat oleh orang-orang yang dianggap para penyokong Dr. Mahathir diertikan sebagai sikap beliau terhadap Tengku Razaleigh.

Tun Hussein Onn yang dianggap bekerja dengan rapat dengan Menteri Kewangannya dalam tempoh hampir enam tahun sebelumnya tiba-tiba di saat-saat pemilihan dikatakan menyokong Datuk Musa. Pemerhati-pemerhati memberi dua contoh di mana Tun Hussein dikatakan tidak membantu Tengku Razaleigh dalam kempen pemilihan itu.

Pertama, Tengku Razaleigh dikatakan tidak diberi peranan ketika diadakan upacara Perletakan Batu Asas Bangunan UMNO sebelum pertandingan itu. Kedua Tun Hussein dikatakan tidak begitu menitikberatkan peranan pembangunan ekonomi dan negara dalam ucapan dasar di Perhimpunan Agung UMNO yang ke-34 itu, sebaliknya banyak menitikberatkan soal-soal pelajaran. Ucapan inilah yang dianggap ucapan 'Pukul Mati' terhadap Tengku Razaleigh oleh pemerhati-pemerhati politik.

W 12 OCT 1985

(P)

Mahathir  
Mohammad

**MAHATHIR: SEKARANG DAN AKAN DATANG**

# 1981 UJIAN MAHATHIR

Kata mereka, apabila Perdana Menteri dan bakal Perdana Menteri yang baru tidak lagi menyokong Menteri Kewangan itu, beliau tidak lagi boleh mengharapkan kemenangan.

Datuk Musa dan Tengku Razaleigh, betapa pun dianggap terhadap mereka, akan terus kekal dalam UMNO sebagai tokoh-tokoh yang tidak mudah luntur. Selepas Mahathir, nama-nama mereka sering disebut-sebut sebagai tokoh-tokoh yang paling layak untuk memimpin UMNO untuk beberapa tahun akan datang.

Menurut para pemerhati politik, sungguhpun tokoh-tokoh baru mula muncul sedikit demi sedikit dalam UMNO, sukar untuk meneka dengan tepat ketahanan mereka sebagai para pemimpin yang berwibawa dalam parti itu. Masa akan menentukan.

**Datuk Musa dikenali sebagai pewaris jenerasi baru orang Melayu. Selain Dr. Mahathir, beliau adalah yang dianggap pemimpin UMNO radikal di zaman Tunku. Melihat kepada zaman lampainya, beliau tidak syak lagi akan melanjutkan dan menyambung perjuangan dan cita-cita orang Melayu apabila tiba waktunya beliau berbuat demikian.**

Jika kenyataan-kenyataan beliau tentang masa depan dan nasib orang Melayu menunjukkan apa-apa bukti, UMNO di bawah pimpinan beliau akan mengalami tahap-tahap yang amat mencabar. Sebagai seorang yang tidak pernah mundur dengan tekanan, maka beliau dikhuatiri oleh pemimpin-pemimpin Cina.

Apabila tiba waktunya nanti, kata pemerhati-pemerhati politik, Datuk Musa akan menunjukkan dengan jelas tentang kemampuan, keberanian dan ketahanan beliau dalam menghadapi ancaman dan cabaran. Dengan pengalaman-pengalaman beliau sesama UMNO dilanda krisis keyakinan dalam tahun 1969, dan sekarang hampir lima tahun di samping Dr. Mahathir, pemerhatian-pemerhatian beliau pasti lebih tajam dan jitu.

## **Prospek Masa Depan**

SEOLAH-OLAH kepimpinan Mahathir ditetapkan oleh takdir akan menghadapi ujian demi ujian, maka di saat-saat beliau akan mengambilalih pentadbiran negara daripada Tun Hussein beliau telah dikejutkan dengan penangkapan Encik Sidik Ghaus, Setiausaha Politik beliau, atas tuduhan bersubahat dengan perisik Rusia untuk mendapatkan rahsia kerajaan.

Ramai orang mengagak Dr. Mahathir tidak di-

maklumkan oleh Kementerian Dalam Negeri tentang kegiatan pegawai-pegawai perisik kerajaan menyiasat dan meneliti gerak-geri Sidik, seolah-olah kelihatan ia adalah salah satu daripada cara-cara Ghazali Shafie, yang menjadi Menteri Dalam Negeri ketika itu, hendak mengakhiri kredibiliti Dr. Mahathir. Mujurlah Dr. Mahathir membuat penafian ini. Katanya, beliau diberitahu terlebih dulu oleh Kementerian Dalam Negeri dan malah mengarahkan KDN menyiasat kegiatan Sidik.

Sejak Sidik ditangkap hingga pilihanraya umum 1982, isu penangkapan Sidik dihangatkan oleh para penentang beliau termasuk ahli-ahli PAS. Tetapi Mahathir bukanlah sebarang orang yang boleh digertak dengan tuduhan-tuduhan liar dan aneh. Amaran beliau terhadap para pengkritik beliau dan pembangkang seperti PAS memberi faedah, dan dalam pilihanraya pertama sejak beliau menjadi Perdana Menteri itu kepimpinan beliau ternyata tidak dipersoalkan lagi.

Pada akhir tahun 1983 Dr. Mahathir sekali lagi dilanda ujian yang hampir-hampir menyebabkan beliau hilang kesabaran. Isunya ialah Pindaan Perlembagaan bagi menghadkan kuasa Raja-Raja. Masalahnya sangat mudah, tetapi telah digunakan oleh para pengkritik beliau untuk menampakkan beliau sebagai 'The Prince' yang ingin dicipta oleh Machiavelli itu.

Para penyokong Raja-Raja yang tidak begitu faham dengan tujuan Pindaan Perlembagaan itu mengambil kesempatan untuk mengapi-apikan hubungan Mahathir dengan Sistem Kesultanan. Oleh kerana peranan Raja-Raja terlibat dalam melulus dan tidak meluluskan Bil-Bil yang dibentangkan di

Parlimen, maka mudah bagi para penyokong Raja-Raja menghasut Raja-Raja untuk menentang Pindaan Perlembagaan tersebut, dan malah, menghasut orang-orang Melayu, termasuk para Menteri, supaya mengesyaki tujuan Dr. Mahathir.

Walaupun isu tersebut dapat diselesaikan beberapa bulan kemudian, ia memberi banyak pengajaran. Pengajaran yang pertama ialah kecurigaan terhadap tujuan Dr. Mahathir meminda Bil Pindaan Perlembagaan adalah tidak berasas. Malah yang sebenarnya tandatangan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong tidak perlu dalam meluluskan Bil tersebut.

Bagi pengkritik Dr. Mahathir, pindaan ini disamakan dengan pembolotan kuasa untuk diri beliau sendiri.

Betapa aneh khayalan para pengkritik tersebut ada orang yang mempercayainya. Kegagalan dan

keanehan pengkritik-pengkritik beliau ialah mereka tidak dapat membayangkan dengan jelas bagaimana dengan meminda Bil Pindaan Perlembagaan tersebut Mahathir boleh menjadi seorang diktator, padahal sebaliknya, tanpa pindaan yang mudah itu ada orang lain yang akan jadi diktator.

Mahathir tentulah dapat memahami bagaimana rakyat akan menghadapi kesulitan sekiranya tanggungjawab dan tugas-tugas kerajaan tertunda akibat Bil-Bil yang tidak ditandatangani. Perjalanan jentera kerajaan boleh terhenti dengan sertamerta jika Bil-Bil yang diluluskan tidak ditandatangani. Di sinilah permasalahan itu timbul perlu atau tidak perlu satu-satu Bil itu ditandatangani oleh Yang Dipertuan Agong.

Pada kerajaan, seperti yang digambarkan oleh Dr. Mahathir, mengapakah kita terpaksa bersusah-payah dengan sesuatu peraturan yang tidak perlu ada langsung. Dengan adanya peraturan itu tidak menjadikannya lebih baik, bahkan lebih tidak berfaedah.

Salah faham antara kerajaan dan Raja-Raja mengenai apa yang disifatkan sebagai 'krisis perlembagaan' itu menunjukkan dengan jelas bahawa Dr. Mahathir sentiasa mencari jalan untuk melicinkan langkah-langkah untuk memaju dan memodenkan pembangunan serta sikap orang Melayu. Seperti yang dikatakannya dalam 'The Malay Dilemma', selagi orang Melayu dijajah oleh sikap yang negatif, maka selama itulah usaha-usaha untuk memajukan mereka terhalang.

Pindaan Perlembagaan tersebut mungkin tidak ada hubungan dengan apa yang dipercayai sebagai sikap anti-feudal Dr. Mahathir. Sebenarnya jika terkadang-kadang kita terpaksa bercakap bagi pihak beliau, maka ini ialah kerana sikap beliau disokong dan diperkongsikan oleh kebanyakan orang Melayu. **Feudalism mengancam pembinaan mental dan kestabilan politik orang Melayu.** Ia tidak menggalakkan pertumbuhan pembinaan keintelektualan Melayu. Malah feudalism memusnah usaha orang Melayu.